

>Cuaca tidak halang jawatankuasa ekspo tani konvokesyen teruskan acara

SERDANG: Cuaca tidak menentu sejak kebelakangan ini bukan penghalang kepada barisan jawatankuasa Ekspo Tani Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-31, di sini, meneruskan acara program yang sudah diatur untuk pelajar serta pengunjung luar.

Pengarah Ekspo Tani, Mohammad Nurulikhsan Mohd Yunus, 22, berkata memandangkan ini kali pertama pelajar diberi kepercayaan oleh UPM untuk menganjurkan acara tahunan itu, pihaknya cuba melakukan yang terbaik bagi menjayakannya.

Katanya, program lapan hari bermula 23 Ogos lalu dimuatkan dengan pelbagai program riadah dan persembahan yang lebih memfokuskan pembabitan warga kampus UPM.

"Kami cuba menarik seluruh warga kampus untuk sama-sama menjayakan acara ini dengan mengisi pelbagai program yang menarik sepanjang ia berlangsung.

"Biar pun kali pertama pelajar diberi tanggungjawab untuk menganjurkan Ekspo Tani, semangat jawatankuasa sentiasa ditunjukkan dalam memastikan setiap program berjalan lancar," katanya.

Selain itu, sebanyak 104 gerai disediakan bagi menarik



NORHAFIZAH...banyak program riadah



MOHAMMAD NURULIKHSAN...berjalan lancar

pengunjung dengan menjual pelbagai produk sama ada makanan, pakaian serta cenderamata.

Sementara itu, pengunjung, Norhafizah Osman, 20, berkata penganjuran kali ini lebih meriah apabila banyak

program riadah diadakan untuk pelajar dan kakitangan UPM.

"Kali ini lebih menarik apabila mereka mengadakan acara 'paintball' untuk pelajar dan kakitangan di samping permainan sukaneka.



LAWAT...orang ramai berkunjung ke Ekspo Tani Konvokesyen UPM, semalam.

